

UB 5.4.2014 B1

# Program di Awat-Awat, melahirkan mahasiswa prihatin

SATU Program Anak Angkat Delegasi Bayu Di Bumi Kenyalang Anjuran Sekretariat Rukun Negara, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah dijalankan di Kampung Awat-Awat, Lawas baru-baru ini.

Program ini di sertai seramai 40 orang pelajar dan seramai 15 keluarga angkat turut terlibat dalam program ini.

Pegawai penyelaras, Kim Asbiyallah Shah Akim Kim yang mengetuai program itu berkata Kampung Awat-Awat yang terletak di muara

Batang Trusan menggantit pengunjung dengan makanan uniknya ‘tahai’ atau ikan salai.

Katanya, semasa program ke Lawas, iaitu daerah paling utara di Sarawak baru-baru ini, mereka disambut dengan penuh adab dan senyuman daripada orang-orang kampung.

“Objektif utama program ini adalah untuk melahirkan mahasiswa UMS agar lebih prihatin terhadap masyarakat yang memerlukan bantuan dari segi motivasi untuk anak-anak kampung mendekatkan diri dengan



**IKAN** tahai yang dijual oleh salah seorang penjaja di kampung berkenaan.



**RAKAMAN** gambar kenangan bersama semua peserta yang mengikuti program itu.

keluarga angkat dengan turun bersama ke laut untuk merasai pengalaman menangkap ikan, udang dan lokan.

“Program seumpama ini turut diadakan oleh kelab-kelab yang terdapat di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni di daerah lain contohnya di Kudat, Pitas, Kota Marudu, Kota Belud, Tenom, Kimanis, Sandakan dan Semporna,” katanya.

Sehubungan itu katanya, UMS sangat menitikberat dalam membina jati diri pelajar melalui pembangunan sahsiah pelajar dari aspek

kemasyarakatan dan kesukarelawan.

Katanya, ikan tahai sememangnya sinonim dengan Kampung Awat-Awat kerana ia adalah satu-satunya daerah pengeluar ikan tahai di Sarawak.

Menurutnya, aktiviti pemprosesan ikan tahai kebiasaannya didominasi oleh kaum wanita dan peranan penduduk lelaki lebih kepada aktiviti penangkapan ikan, udang dan lokan.

“Proses menghasilkan tahai ini melibatkan penyalian ikan yang sudah

ditangkap menggunakan dapur arang selama kira-kira dua hari.

“Dapur ini diletakkan di dalam bangunan khas yang dikenali sebagai kilang tahai yang dibina di atas permukaan air.

“Ikan tahai biasanya dijual pada harga RM15 sekilogram

dan boleh mencecah sehingga RM25 sekilogram pada waktu bekalan ikan agak sukar diperoleh,” katanya.

Sehingga kini katanya, bot masih digunakan penduduk kampung untuk ke seberang iaitu darat ataupun kenderaan untuk sampai ke rumah masing-masing memandangkan jalan raya yang dibina untuk menghubungkan kampung ini dengan bandar Lawas hanya berakhiran tiga meter dari paras permukaan air.

Katanya, penampatan di Kampung Awat-awat ini adalah gabungan daripada empat kampung yang terdiri daripada Kampung Ujong, Kampung Tengah, Kampung Masjid dan

Kampung Bangsal.

Sesuai dengan namanya, Kampung Ujong adalah kampung yang terletak paling hujung sekali di antara keempat-empat kampung ini dan dipimpin oleh Ketua Kampung Jinin Munap.

Sementara itu Jinin berkata, Kampung Awat-Awat mempunyai kira-kira 160 buah rumah yang kesemuanya didirikan sebelah utara Batang Trusan.

“Kesemua rumah di kampung ini dihubungkan di antara satu sama lain menggunakan jambatan kayu yang dianggarkan lebih dua kilometer panjangnya dan mempunyai kelebaran dua meter,” katanya.



**PROSES**  
menyalai ikan tahai.